

18 OCT 1996

KHAZANAH MENANDAKAN BEBERAPA KAWASAN KEUTAMAAN DLM SEKTOR PERINDUSTRIAN

Oleh: Roslina Atan

KULIM, 18 Okt (Bernama) -- Khazanah Nasional Bhd telah menandakan beberapa kawasan keutamaan dalam sektor perindustrian, termasuk industri-industri berteknologi tinggi dan inovasi-inovasi baru yang ia akan sertai pada masa depan, kata timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Anwar, yang juga timbalan pengerusi Khazanah, berkata usaha sama terbaru antara Khazanah dan MEMC Kulim Electronic Materials Sdn Bhd, pengeluar wafer silikon yang menggunakan kaedah pengeluaran berteknologi tinggi, adalah satu contoh baik dalam penerokaan sedemikian.

Bercakap pada majlis memecah tanah MEMC Kulim Electronic Materials Sdn Bhd di Taman Teknologi Kulim di sini, beliau berkata industri elektronik adalah contoh paling jelas tentang sejauh mana, dan secepat mana, kejayaan pembangunan yang dicapai oleh Malaysia.

Ia juga menunjukkan sejauh mana negara perlu maju lagi bagi mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara yang ekonominya selamat, berdaya tahan dan membangun sepenuhnya, tambahnya.

Dalam 1970, beliau berkata Malaysia hanya mempunyai empat firma elektronik tetapi pada akhir tahun lepas, jumlahnya meningkat kepada 850 dengan nilai eksport mencecah hampir RM86 bilion.

Anwar berkata sementara pekerjaan dalam industri-industri elektronik telah meningkat kepada hampir 360,000 orang, nilai ditambah bagi setiap pekerja dalam kegiatan-kegiatan pembuatan yang pesat berkembang itu kekal statik.

Memandangkan kedudukan itu, kerajaan tidak lagi menerima syarikat-syarikat yang begitu berminat dengan perkhidmatan-perkhidmatan pemasangan produk dan hampir tidak mempunyai sebarang spesifikasi produk atau reka bentuk atau program kejuruteraan untuk membolehkan pekerja-pekerja tempatan memperbaiki kemahiran teknikal mereka dan mendapatkan kepakaran teknologi baru, katanya.

Anwar, yang juga menteri kewangan, menegaskan bahawa negara perlu mempunyai barangan perantaraannya sendiri untuk mengimbangi defisit akaun semasa negara.

"Bagi setiap ringgit dalam eksport, 85 sen dibelanjakan untuk mengimport barangan perantaraan yang bermakna jumlah daripada eksport oleh industri-industri tempatan hanyalah 15 sen," katanya dengan menambah bahawa perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan supaya perkara itu ditangani dalam Belanjawan negara yang akan dibentangkan pada 25 Oktober ini.

Anwar seterusnya menyatakan bahawa peralihan kualitatif kepada satu bentuk baru pertumbuhan pembangunan perlu diwujudkan melalui usaha perancangan bersama, melalui perkongsian antara usahawan-usahawan tempatan, tenaga kerja, pelabur asing dan kerajaan.

Beliau menegaskan semula bahawa pelabur-pelabur asing juga mesti sanggup berkongsi sesetengah daripada pengetahuan teknologi mereka dan mengadakan sesuatu bentuk latihan untuk memastikan yang syarikat-syarikat tempatan dapat mengeluarkan komponen-komponen yang bermutu tinggi.

Terdahulu, presiden MEMC Kulim Electronic Materials Inc Samuel Tennison berkata usaha sama itu merupakan kemudahan pembuatan silikon bersepadu sepenuhnya yang pertama di Asia Tenggara membabitkan pertumbuhan hablur melalui pengilapan dan pembuatan wafer epitaksial.

Beliau berkata tidak lama lagi kilang syarikat itu akan dapat menampung

pengeluaran 350,00 wafer silikon sebulan, dan menambah bahawa buat permulaan produk itu akan dieksport ke Singapura, Thailand dan Jepun.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah menteri besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid, ketua menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalan menteri di jabatan perdana menteri Raja Datuk Ariffin Sulaiman yang juga anggota parlimen Baling, pengarah urusan Khazanah Tan Sri Mohd Sheriff Kassim dan pengerusi MEMC Electronics Materials Inc Erhard Meyer Galow. --

BERNAMA

RA SIA